Pemohon-pemohon yang tersebut di bawah ini telah memohon kepada saya supaya tanah-tanah yang dibutirkkan di bawah ini dijadikan Kawasan Rizab Melayu di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu Tahun 1936.

To All Whom It May Concern:

The undermentioned persons have applied to me under the provisions of section 6 of the Malay Reservations Enactment 1936, to have the undermentioned holdings made Malay Reservations.

BUTIR-BUTIR KENYATAAN TANAH DESCRIPTION OF HOLDINGS

Daerah/District—Kluang. Mukim—Kluang.

Bil. Surat Punya Title No.	Bil. Lot Lot No.	Luas Area	Tuan Punya Berdaftar Registered Owners
HS(M)	PTD	Hektar	
11729	50859	0.4047	Abd. Rahim bin Md. Yunos
11730	50862	0.5058	Suratman bin Seerat
11731	50867	0.4047	Saim bin Ali
11732	50875	0.4047	Azman bin Mohammad Yusof

Bertarikh di Johor Bahru pada 16hb Januari 2001.

Dated at Johor Bahru this 16th day of January 2001.

[PTG. (KEM) 34/2001-KLG(SK. 12).]

ABDUL 'ALIM BIN ABD. SHUKOR,
Pesuruhjaya Tanah dan Galian,
Johor

No. 174.

Kepada Semua Yang Berkenaan:

Pemohon-pemohon yang tersebut di bawah ini telah memohon kepada saya supaya tanah-tanah yang dibutirkkan di bawah ini dijadikan Kawasan Rizab Melayu di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu Tahun 1936.

To All Whom It May Concern:

The undermentioned persons have applied to me under the provisions of section 6 of the Malay Reservations Enactment 1936, to have the undermentioned holdings made Malay Reservations.

BUTIR-BUTIR KENYATAAN TANAH DESCRIPTION OF HOLDINGS

Daerah/District—Kluang. Mukim—Kluang.

Bil. Surat Punya Title No.	Bil. Lot Lot No.	Luas Area	Tuan Punya Berdaftar Registered Owners
HS(M)	PTD	Hektar	
11733	50879	0.4047	Abdul Rahim bin Ahamad
11734	50889	0.4047	Abd. Rahman bin Mohd Sanni
11735	50890	0.4047	Hadri b. Deron
11736	51181	0.5059	Habibah bt. Kemin

Bertarikh di Johor Bahru pada 16hb Januari 2001.

Dated at Johor Bahru this 16th day of January 2001.

[PTG. (KEM) 34/2001-KLG(SK. 13).]

ABDUL 'ALIM BIN ABD. SHUKOR,
Pesuruhjaya Tanah dan Galian,
Johor

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

290

[15hb Feb. 2001]

No. 175.

Kepada Semua Yang Berkenaan:

Pemohon-pemohon yang tersebut di bawah ini telah memohon kepada saya supaya tanah-tanah yang dibutirkan di bawah ini dijadikan Kawasan Rizab Melayu di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu Tahun 1936.

To All Whom It May Concern:

The undermentioned persons have applied to me under the provisions of section 6 of the Malay Reservations Enactment 1936, to have the undermentioned holdings made Malay Reservations.

BUTIR-BUTIR KENYATAAN TANAH DESCRIPTION OF HOLDINGS

Daerah/District—Kluang. Mukim—Ulu Benut.

Bil. Surat Punya Title No.	Bil. Lot Lot No.	Luas Area	Tuan Punya Berdaftar Registered Owners
HS(M)	PTD	Hektar	
5691	10135	1.776	Misni bin Badikan
5702	10131	0.951	Md Tohar bin Suparman
5703	10137	1.214	Mohd Razip bin Suriff
5704	10134	1.922	Sa'at bin Sengari

Bertarikh di Johor Bahru pada 16hb Januari 2001.

Dated at Johor Bahru this 16th day of January 2001.

[PTG. (KEM) 34/2001-KLG(SK. 104).]

ABDUL 'ALIM BIN ABD. SHUKOR,
Pesuruhjaya Tanah dan Galian,
Johor

No. 176.

Kepada Semua Yang Berkenaan:

Pemohon-pemohon yang tersebut di bawah ini telah memohon kepada saya supaya tanah-tanah yang dibutirkan di bawah ini dijadikan Kawasan Rizab Melayu di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu Tahun 1936.

To All Whom It May Concern:

The undermentioned persons have applied to me under the provisions of section 6 of the Malay Reservations Enactment 1936, to have the undermentioned holdings made Malay Reservations.

BUTIR-BUTIR KENYATAAN TANAH DESCRIPTION OF HOLDINGS

Daerah/District—Kluang. Mukim—Ulu Benut.

Bil. Surat Punya Title No.	Bil. Lot Lot No.	Luas Area	Tuan Punya Berdaftar Registered Owners
HS(M)	PTD	Hektar	
5705	10133	1.113	Tobirin bin Sayuti
5707	10142	1.492	Sulliah bte Juremi
5708	10138	1.214	Narima binti Sahuri

Bertarikh di Johor Bahru pada 16hb Januari 2001.

Dated at Johor Bahru this 16th day of January 2001.

[PTG. (KEM) 34/2001-KLG(SK. 15).]

ABDUL 'ALIM BIN ABD. SHUKOR,
Pesuruhjaya Tanah dan Galian,
Johor

KANUN TANAH NEGARA

No. 177.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS-NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Hj Ashari bin Hj Asnawi yang beralamat di d/a, Mohd Hanif bin Ali, Sek. Keb. Kg. Belokok, Telok Kerang, 82020 Pontian tuan punya tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun 1983.

Tuan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Pontian segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas (1983–2000)	dll. yang dikenakan sebagai hasil Notis	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
02 Ayer Masin						
17 HS(M)	03 PT	RM10.00	RM188.50	RM10.00		RM208.50
202	1807					

Bertarikh pada 16hb Januari 2001.
[(3) dlm. PTDP. 14/02/2000. (11).]
Penyampaian Ganti.

Pentadbir Tanah,
Pontian

No. 178.

Kepada Mohamed Aris bin Ali yang beralamat di Kg. Parit Jerman, Telok Kerang, 82020 Pontian tuan punya tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun 1981.

Tuan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Pontian segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

292

[15hb Feb. 2001]

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun- tahun yang lepas	dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran- bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
02 Ayer Masin 17 HS(M) 547	08 LO 1794	RM12.00	(1981–2000) RM144.00	Notis RM10.00		RM166.00

Bertarikh pada 16hb Januari 2001.

[(3) dlm. PTDP. 14/02/2000. (10).]
Penyampaian Ganti.

Pentadbir Tanah,
Pontian

No. 179. (Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyitharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Benut. No. Lot—5720. Luas—1.0951 hektar. Jenis dan No. Hakmilik—GM 28.

Bertarikh pada 13hb Januari 2001.

[(5) dlm. PTDP. 14/04/99(63).]

HAJI YAHAYA BIN MOHD. SALLEH,
Pentadbir Tanah,
Pontian

No. 180. (Seksyen 133)

PEMBATALAN-PEMBATALAN PERAMPASAN TANAH

Bahawasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyitharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana Pemberitahuan No. Jilid 25, Folio 17, Bil. 1023 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* pada 13hb Ogos 1981.

Dan bahawasanya pada 4hb Mei 1999 pempetisyen Encik Jamaludin bin Hj Abu Bakar telah mempetisyen kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan perampasan tanah tersebut.

Dan bahawasanya pada 11hb November 2000 Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan petisyen tersebut dan mengurniakan semula tanah yang dijadualkan di bawah ini kepada Encik Jamaludin bin Hj Abu Bakar.

JADUAL TANAH YANG DIKURNIAKAN SEMULA

Daerah—Pontian. Mukim—Jeram Batu. No. Lot—4109. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 449. Luas—6,000 kaki persegi.

Bertarikh pada 17hb Januari 2001.

[PHTP. 14/13/78(61).]

HAJI YAHAYA BIN MOHD. SALLEH,
Pentadbir Tanah,
Pontian

No. 181.

Bahwasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana Pemberitahuan No. 1162 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* pada 22hb Julai 1999.

Dan bahwasanya pada 12hb November 1999 mempetisyen Ismail bin Bidin telah mempetisyen kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan perampasan tanah tersebut.

Dan bahwasanya pada 17hb November 2000 Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan petisyen tersebut dan mengurniakan semula tanah yang dijadualkan di bawah ini kepada Ismail bin Bidin.

JADUAL TANAH YANG DIKURNIAKAN SEMULA

Daerah—Muar. Mukim—Bandar. No. Lot—6061. Jenis dan No. Hakmilik—MK.G 379. Luas—143.0706 meter persegi.

Bertarikh pada 18hb Januari 2001.

[(15) dlm PTDM/5/NOT/02/99/20.]

ZULKIFLY BIN HJ MOHD TAHIR,
Pentadbir Tanah,
Muar

No. 182.

Bahwasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana Pemberitahuan No. 2538 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* pada 17hb Disember 1998.

Dan bahwasanya pada 1hb Februari 2000 mempetisyen Sartha bin Hj. Karim telah mempetisyen kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan perampasan tanah tersebut.

Dan bahwasanya pada 17hb November 2000 Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan petisyen tersebut dan mengurniakan semula tanah yang dijadualkan di bawah ini kepada Sartha bin Hj. Karim.

JADUAL TANAH YANG DIKURNIAKAN SEMULA

Daerah—Muar. Mukim—Bandar. No. Lot—1141. Jenis dan No. Hakmilik—EMR 845. Luas—1.0572 hektar.

Bertarikh pada 18hb Januari 2001.

[(19) dlm PTDM/H/NOT/16/98/3.]

ZULKIFLY BIN HJ MOHD TAHIR,
Pentadbir Tanah,
Muar

No. 183.

Bahwasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana Pemberitahuan No. 2607 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* pada 31hb Disember 1998.

Dan bahwasanya pada 16hb Mei 2000 pempetisyen Mahat bin Taib telah mempetisyen kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membatakan perampasan tanah tersebut.

Dan bahwasanya pada 17hb November 2000 Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan petisyen tersebut dan mengurniakan semula tanah yang dijadualkan di bawah ini kepada Mahat bin Taib dan Minister Of Finance sebagai pemegang gadaian.

JADUAL TANAH YANG DIKURNIAKAN SEMULA

Daerah—Muar. Mukim—Bandar. No. Lot—PTD 4220. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1454. Luas—96.6191 meter persegi.

Bertarikh pada 18hb Januari 2001.

[(22) dlm H/NOT/06/98/12.]

ZULKIFLY BIN HJ MOHD TAHIR,
Pentadbir Tanah,
Muar

No. 184.

Bahwasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana Pemberitahuan No. 1109 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* pada 29hb Ogos 1996.

Dan bahwasanya pada 15hb Januari 1999 pempetisyen Gwee Ah Han telah mempetisyen kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membatakan perampasan tanah tersebut.

Dan bahwasanya pada 17hb November 2000 Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan petisyen tersebut dan mengurniakan semula tanah yang dijadualkan di bawah ini kepada Gwee Ah Han.

JADUAL TANAH YANG DIKURNIAKAN SEMULA

Daerah—Muar. Mukim—Bandar. No. Lot—PTD 2268. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1079. Luas—275.6433 meter persegi.

Bertarikh pada 18hb Januari 2001.

[(25) dlm PTDM/H/9/2/02-14/95.]

ZULKIFLY BIN HJ MOHD TAHIR,
Pentadbir Tanah,
Muar

No. 185.

Bahwasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana Pemberitahuan No. 1109 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* pada 29hb Ogos 1996.

Dan bahawasanya pada 15hb Januari 1999 pempetisyen Wee Siew Mey @ Wee Sew Moy telah mempetisyen kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan perampasan tanah tersebut.

Dan bahawasanya pada 17hb November 2000 Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan petisyen tersebut dan mengurniakan semula tanah yang dijadualkan di bawah ini kepada Wee Siew Mey @ Wee Sew Moy.

JADUAL TANAH YANG DIKURNIAKAN SEMULA

Daerah—Muar. Mukim—Bandar. No. Lot—PTD 2269. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1080. Luas—425.0314 meter persegi.

Bertarikh pada 18hb Januari 2001.

[(27) dlm PTDM/H/9/2/02-14/95.]

ZULKIFLY BIN HJ MOHD TAHIR,

Pentadbir Tanah,

Muar

No. 186.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELOUARKAN YANG
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik keluaran telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Muar. Mukim—Tangkak. No. Lot—3681. Jenis dan No. Hakmilik—EMR 2090. Luas—0.6044 hektar.

Bertarikh pada 16hb Januari 2001.

[PTM (TGK) 11/1/2001.]

HAJI OBET BIN TAWIL,

Penolong Pentadbir Tanah,

Daerah Kecil Tangkak

No. 187.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik keluaran telah diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Muar. Mukim—Tangkak. No. Lot—4085. Jenis dan No. Hakmilik—EMR 3206. Luas—0.4552 hektar.

Bertarikh pada 16hb Januari 2001.

[PTM (TGK) 11/2/2001.]

HAJI OBET BIN TAWIL,

Penolong Pentadbir Tanah,

Daerah Kecil Tangkak

No. 188.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak mengantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik ML 137 Lot 2579 Mukim Tebrau diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Tebrau. No. Lot—2579. Jenis dan No. Hakmilik—ML 137. Luas—20.45 pol.

Bertarikh pada 18hb Januari 2000.

[PTJB/PEL. 4/67/2000.]

MOHD. IDRIS BIN KAPARAWI,
Penolong Pentadbir Tanah,
Johor Bahru

No. 189.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan daripada Puan Misnah binti Ali (No. K.P.: 641105-01-6130) yang tinggal di No. 52, Jalan Kenanga 23, Taman Satria, Senawang, 70450 Seremban yang menyatakan bahawa hakmilik yang dikeluarkan diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Ayer Baloi. No. PTD—5082. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1437. Luas—1.0193 hektar (2 ekar 2 rod dan 3 pol).

Bertarikh pada 26hb Januari 2001.

[(93) PTDP 11/4/97 (Hilang).]

MOHD. KHIR JOHARI BIN HJ. SALLEH,
Pentadbir Tanah,
Pontian

No. 190.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan daripada Puan Sarah binti Murad (No. K.P.: 390105-01-5126) yang tinggal di No. Kg. Pt. Hj. Othman, Kg. Seri Bunian, Batu 33, Jalan Johor, 82000 Pontian yang menyatakan bahawa hakmilik yang dikeluarkan diakui hilang.

JADUAL

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Rimba Terjun. No. Lot—3480. Jenis dan No. Hakmilik—EMR 3140. Luas—1 ekar 2 rod dan 6 pol (0.6222 hektar).

Bertarikh pada 23hb Januari 2001.

[(105) PTDP Hilang 11/5/96.]

MOHD. KHIR JOHARI BIN HJ. SALLEH,
Pentadbir Tanah,
Pontian

No. 191.

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN
DI BAWAH SEKSYEN 261

Kepada, Rosli bin Mohamed yang beralamat di No. 14, Jalan Bunbun, Pekan Jabi, Segamat, Johor atau Vivaland Bhd. Lot 7207, Jalan Pasir Bangi, 80050 Johor Bahru atau No. 1, Jalan Chempaka, Kg. Istana, Batu Pahat penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260 (2), Kanun Tanah Negara.

Adalah diberi notis bahawa saya bercadang untuk mengadakan satu siasatan berkenaan dengan permohonan pemegang gadaian tersebut di Pejabat Tanah Batu Pahat, Johor pada 8hb Mac 2001, jam 10.30 pagi.

Maka, oleh yang demikian menurut seksyen 261 (1), Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Batu Pahat. Bandar/Pekan/Mukim—Simpang Kanan. No. Lot—PTD 27003. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 1995. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1062/94, Jilid 279, Folio 45 bertarikh 14hb April 1994.

Bertarikh pada 17hb Januari 2001.
[(21) dlm. PTD.BP. 4/SC/96/99.]

ISMAIL BIN ABU,
Pentadbir Tanah,
Batu Pahat

No. 192.

Kepada Ang Kim Hai (K.P.: 5201201-5223) yang beralamat di DH 287, 81500 Pekan Nenas dan No. 35, Taman Sri Bahagia, Pekan Nenas penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260 (2), Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Daerah Pontian pada hari Selasa 27hb Februari 2001, jam 10.45 pagi.

Maka, oleh yang demikian menurut seksyen 261 (2)(c), Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Pontian. Mukim—Jeram Batu. No. Lot—PTD 7987. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 2850. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 779/98, Jilid 125, Folio 80 bertarikh 9hb Mei 1998.

Bertarikh pada 18hb Januari 2001.

[(17) dlm. PTDP. (LEL) 13/24/2000.]

MOHD KHIR JOHARI BIN HAJI SALLEH,
b.p. Pentadbir Tanah,
Pontian

No. 193.

Kepada Pang Voon Fa (K.P.: 5694368) yang beralamat di No. 168, Jalan Inang 1, Taman Iskandar, 80050 Johor Bahru, Johor penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260 (2), Kanun Tanah Negara.

Dan Bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Kluang pada hari Selasa 17hb April 2001, Jam 10.00 pagi.

Maka, oleh yang demikian menurut seksyen 261 (1)(c), Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Ulu Benut. No. Lot/Petak/P.T.—PTD 11121. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 5266. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3672/97, Jilid 93, Folio 48 bertarikh 16hb Ogos 1997.

Bertarikh pada 18hb Januari 2001.

[(36) dlm. PTDK. (PJ) 77/98.]

Pentadbir Tanah,
Kluang

No. 194. (Seksyen 263)

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Norliyati bte Md. Nor, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 27hb Februari 2001 di hadapan Pejabat Tanah, Kota Tinggi, jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM882,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM966,258.24 setakat pada 24hb Mei 2000.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kota Tinggi. Mukim—Kota Tinggi. No. Lot—PTD. 7130. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1466. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 786/97, Jilid 46, Folio 73 bertarikh 8hb Oktober 1997.

Bertarikh pada 13hb Januari 2001.

[PTDKT. 13/20/1999.]

NORLIYATI BTE MD. NOR,
Pentadbir Tanah,
Kota Tinggi

No. 195.

Saya, Norliyati bte Md. Nor, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 20hb Februari 2001 di hadapan Pejabat Tanah, Kota Tinggi, jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM100,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM190,000.00 setakat pada 9hb September 1999.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kota Tinggi. Mukim—Pengerang. No. Lot—1213. Jenis dan No. Hakmilik—MG. 166. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 778/90, Jilid 28, Folio 61 bertarikh 27hb Disember 1990.

Bertarikh pada 15hb Januari 2001.

[PTDKT. 13/13/2000.]

NORLIYATI BTE MD. NOR,
Pentadbir Tanah,
Kota Tinggi

No. 196.

Saya, Zainor bin Adani, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 29hb Mac 2001 di hadapan Pejabat Tanah, Mersing, jam 10.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM1.1 juta.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM842,706.16 setakat pada 4hb Mei 2000.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Mersing. Mukim—Jemaluang. No. P.T.—PTD 1460. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 400. Luas—0.5087 hektar. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 761/96, Jilid 34, Folio 34 bertarikh 28hb Disember 1996; Perserahan No. 14/94, Jilid 28, Folio 58 bertarikh 20hb Januari 1994 dan Perserahan No. 462/95, Jilid 31, Folio 53 bertarikh 7hb November 1995.

Bertarikh pada 16hb Januari 2001.

[(25) PTD (MG) 4/2/6/99.]

ZAINOR BIN ADANI,

Pentadbir Tanah,
Mersing

No. 197.

Saya, Khirul Nizam bin Mat Said, Penolong Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 31hb Januari 2001 di Ruang Legar Tingkat 3, Bangunan Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang, Johor Bahru, jam 11.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM35,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM29,129.44 setakat 31hb Oktober 2000.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Plentong. No. Lot—PTD 76351. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 2117. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 110/94, Jilid 38, Folio 34 bertarikh 8hb Februari 1994.

Bertarikh pada 31hb Oktober 2000.

[PTDJB (L) 21/2000.]

MOHD IDRIS BIN KAPARAWI,
Pen. Pentadbir Tanah,
Johor Bahru

No. 198.

Saya, Haji Abdul Karim bin Abu Bakar, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 22hb Februari 2001 di Pejabat Tanah Labis, jam 10.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM95,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM15,899.29.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Segamat. Mukim—Labis. No. Lot—8630. Jenis dan No. Hakmilik—G.M 999. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 828/95, Jilid 26, Folio 96 bertarikh 18hb September 1995.

Bertarikh pada 18hb Januari 2001.

[(24) PPTDL (LR) 11/2000.]

HAJI ABDUL KARIM BIN ABU BAKAR,
Pentadbir Tanah,
Segamat

No. 199.

Saya, Hj. Mohd Noh bin Ibrahim, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 5hb April 2001, jam 10.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM190,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM138,813.71 setakat 16hb Januari 2001.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Ulu Benut. No. Lot/Petak/P.T.—PTD 5033. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 714. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3149/97, Jilid 92, Folio 61 bertarikh 18hb Julai 1997.

Bertarikh pada 19hb Januari 2001.
[PTDK (PJ) 37/99.]

HJ. MOHD NOH BIN IBRAHIM,
Pentadbir Tanah,
Kluang

No. 200.

Saya, Mohd Khir Johari bin Hj. Salleh, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 22hb Mac 2001, jam 10.30 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM210,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM113,302.60 setakat 29hb April 1999.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Ayer Baloi. No. Lot—910. Jenis dan No. Hakmilik—EMR 1818. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2885/96, Jilid 110, Folio 52 bertarikh 23hb Oktober 1996 dan Perserahan No. 2107/97, Jilid 120, Folio 36 bertarikh 19hb Ogos 1997.

Bertarikh pada 19hb Januari 2001.
[PTDP 13/113/99.]

MOHD. KHIR JOHARI BIN HJ. SALLEH,
Pentadbir Tanah,
Pontian

No. 201.

Saya, Mohd Khir Johari bin Hj. Salleh, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 29hb Mac 2001, jam 10.30 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM170,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM102,736.54 setakat 19hb Disember 2000.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Pontian. No. Lot/Petak/P.T.—PTD. 7085. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 1706. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1114/86, Jilid 31, Folio 115 bertarikh 28hb September 1986.

Bertarikh pada 19hb Januari 2001.
[PTDP 13/11/2000.]

MOHD KHIR JOHARI BIN HJ. SALLEH,
Pentadbir Tanah,
Pontian

No. 202.

Saya, Mohd Khir Johari bin Hj. Salleh, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 13hb Mac 2001, jam 10.30 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM56,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM35,250.67 setakat 19hb Disember 2000.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Pontian. No. Lot/Petak/P.T.—PTD 5498. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 2642. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2021/96, Jilid 107, Folio 68 bertarikh 25hb Julai 1996.

Bertarikh pada 22hb Januari 2001.
[PTDP. 13/35/99.]

MOHD KHIR JOHARI BIN HJ. SALLEH,
Pentadbir Tanah,
Pontian

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

304

[15hb Feb. 2001]

No. 203.

Saya, Mohd Khir Johari bin Hj. Salleh, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Rabu 28hb Februari 2001, jam 10.30 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM30,000.00.

2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM16,854.66 setakat 15hb November 2000.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Rimba Terjun. No. Lot/Petak/P.T.—PTD. 6900. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 703. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 657/90, Jilid 50, Folio 13 bertarikh 15hb April 1990.

Bertarikh pada 23hb Januari 2001.

MOHD KHIR JOHARI BIN HJ. SALLEH,
Pentadbir Tanah,
Pontian

No. 204. MAJLIS DAERAH KLUANG SELATAN

RINGKASAN ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2001

HASIL	RM	% Pecahan
60000 Hasil Cukai	2,054,487.20	44.86
70000 Hasil Bukan Cukai	902,351.00	19.70
80000 Terimaan Bukan Hasil	1,623,070.00	35.44
Jumlah Hasil:	4,579,908.20	100.00
Tolak		

PERBELANJAAN

10000 Emolumen	1,673,021.46	36.53
20000 Perkhidmatan dan Bekalan	1,301,328.40	28.41
30000 Pemilikan Harta Modal	166,170.00	3.63
40000 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	52,890.00	1.15
50000 Lain-lain Perbelanjaan	88,240.90	1.93
Jumlah Perbelanjaan Mengurus:	3,281,650.76	71.6
Lebihan/Kurangan	1,298,257.44	28.35

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

100000 Perbelanjaan Pembangunan	320,000.00	6.99
Lebihan/(Kurangan)	978,257.44	21.36

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

15hb Feb. 2001]

305

KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH KLUANG SELATAN PADA 31HB OGOS 2000 ADALAH SEPERTI BERIKUT:

	RM	%
Simpanan Semasa	980,302.73	50.08
Simpanan Tetap	<u>977,036.37</u>	49.92
Jumlah	1,957,339.10	
(-) Wang Amanah	<u>939,407.01</u>	
Baki Wang Majlis Pada 31hb Ogos 2000	<u>1,017,932.090</u>	

No. 205. MAJLIS DAERAH MERSING

RINGKASAN ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2001

	RM	%
HASIL		
60000 Hasil Cukai	2,097,440.32	49.64
70000 Hasil Bukan Cukai	1,335,068.00	31.60
80000 Terimaan Bukan Hasil	<u>793,000.00</u>	18.77
Jumlah Hasil:	<u>4,225,508.32</u>	<u>100.00</u>

PERBELANJAAN MENGURUS

10000 Emolumen	2,111,358.26	49.72
20000 Perkhidmatan dan Bekalan	1,642,456.96	38.68
30000 Pemilikan Harta Modal	163,240.00	3.84
40000 Pemberian dan Kenaan Bayaran	65,930.00	1.55
Tetap		
50000 Lain-lain Perbelanjaan	<u>263,251.38</u>	6.20
Jumlah Perbelanjaan Mengurus:	<u>4,246,236.60</u>	<u>100.00</u>
Kekurangan	<u>20,728.28</u>	<u>-0.49</u>

PEMBANGUNAN

100000 Pembangunan	<u>765,010.00</u>	18.10
(Kekurangan)	<u>(785,738.28)</u>	<u>-18.60</u>
Jumlah Perbelanjaan:	<u>5,011,246.60</u>	<u>118.60</u>

KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH MERSING PADA 31HB OGOS 2000 ADALAH SEPERTI BERIKUT:

	RM
Simpanan Semasa	590,991.66
Simpanan Tetap	<u>2,212,770.00</u>
Jumlah	<u>2,803,761.66</u>
(-) Wang Amanah	<u>1,037,366.41</u>
Baki Wang Majlis Pada 31hb Ogos 2000	<u>1,766,395.25</u>

MAJLIS DAERAH MERSING

No. 206. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
AKAUN MAJLIS DAERAH MERSING
BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 1998

Saya telah mengaudit Kunci Kira-kira Majlis Daerah Mersing seperti pada 31hb Disember 1998, penyata pendapatan dan perbelanjaan serta penyata aliran tunai bagi tahun tersebut. Pihak Pengurusan Majlis Daerah Mersing bertanggungjawab terhadap penyata kewangan. Tanggungjawab saya adalah untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan 1976 berpandukan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Piawaian-piawaian tersebut mengkehendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Mersing adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod-rekod secara semak uji, menyemak bukti-bukti yang menyokong angka-angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

Aset Tetap

3. Majlis tidak tidak menyediakan daftar aset tetap. Oleh yang demikian saya tidak dapat mengesahkan ketepatan nilai aset tetap Majlis sebanyak RM1.52 juta pada 31hb Disember 1998.

Si Berhutang

4. Si Berhutang Majlis pada 31hb Disember 1998 berjumlah RM437,478. Sebahagian besar merupakan si berhutang cukai harta sebanyak RM262,681. Majlis tidak menyediakan senarai pengusiaan untuk mengenalpasti hutang yang tidak dapat dipungut.

Wang Amanah

5. Saya tidak dapat mengesahkan ketepatan baki wang amanah sebanyak RM984,424 kerana Majlis tidak mengemukakan senarai baki individu untuk menyokong jumlah tersebut.

6. Kecuali apa yang dinyatakan oleh saya di perenggan 3 hingga 5, pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Mersing pada 31hb Disember 1998, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut.

7. Sijil hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya bertarikh 30hb Jun 2000 yang disertakan bersama ini.

Johor Bahru.
30hb Jun 2000.

HARUN BIN ALI,
b.p. Ketua Audit Negara,
Malaysia

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

15hb Feb. 2001]

307

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKAUN MAJLIS DAERAH MERSING BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 1998

Penyata Kewangan Majlis Daerah Mersing bagi tahun berakhir 31hb Disember 19987 telah diaudit mengikut seksyen 6 Akta Audit 1957 dan seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penyata Kewangan bagi tahun tersebut telah diperiksa di bawah arahan saya dan Sijil Audit bagi akaun ini disertakan bersama Laporan ini.

Pengauditan Akaun Majlis

2. Pandangan Juruaudit ini adalah dikemukakan mengikut kehendak seksyen 9(7) Akta Audit 1957 dan seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976. Saya tidak dapat mengemukakan pandangan saya pada atau sebelum 31hb Oktober 1999 kerana kelewatan Majlis mengemukakan akaunnya untuk diaudit. Akaun Majlis bagi tahun 1998 yang muktamad diterima pada 28hb Jun 2000.

Johor Bahru.
30hb Jun 2000.

HARUN BIN ALI,
b.p. Ketua Audit Negara,
Malaysia

LAPORAN YANG DIPERTUA

Saya, Y.B. Dato' Hj. Omar bin Awab, Yang Dipertua Majlis Daerah Mersing dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat saya Kunci Kira-kira dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada akaun yang dikembarkan telah disediakan dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kedudukan kewangan Majlis Daerah Mersing pada 31hb Disember 1998 dan hasil kendaliannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Tarikh: 24hb Jun 2000.

Y.B. DATO' HJ. OMAR BIN AWAB,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Mersing

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB DISEMBER 1998

	Nota	1998 RM	1997 RM
ASET TETAP	2	<u>1,515,435</u>	<u>1,555,692</u>
		<u>1,515,435</u>	<u>1,555,692</u>
ASET SEMASA			
Penghutang	3	437,478	421,388
Pelbagai Penghutang dan Pertaruhan	4	250,937	113,386
Simpanan Tetap	5	2,212,770	2,231,208
Wang Dalam Bank dan Tangan	6	783,369	920,353
		<u>3,684,554</u>	<u>3,686,335</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

308

[15hb Feb. 2001]

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB DISEMBER 1998—(samb.)

	Nota	1998 RM	1997 RM
TOLAK:			
LIABILITI SEMASA			
Pinjaman Jangka Pendek	7	28,071	27,394
Wang Amanah	8	984,424	985,957
Pembiutang	9	700,687	491,355
Pelbagai Pembiutang dan Akrual	10	62,619	49,486
		<u>1,775,801</u>	<u>1,554,192</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>1,908,753</u>	<u>2,132,143</u>
		<u>3,424,188</u>	<u>3,687,835</u>
DIBIAYAI OLEH			
Kumpulanwang Terkumpul Majlis	11	3,359,272	3,594,849
Pinjaman Jangka Panjang	12	64,916	92,986
		<u>3,424,188</u>	<u>3,687,835</u>

Nota-nota di halaman 310 hingga 318 adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

Y.B. DATO' HJ. OMAR BIN AWAB,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Mersing

MUZALDIN BIN HJ. MOHAMED,
Setiausaha,
Majlis Daerah Mersing

Tarikh: 24hb Jun 2000

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31HB DISEMBER 1998

	Nota	1998 RM	1997 RM
PENDAPATAN			
Cukai			
Lesen, Terimaan Pendaftaran dan Permit	13	1,461,606	1,384,380
Perkhidmatan dan Terimaan Perkhidmatan	14	264,142	231,837
